

HIJAU @ PTSB



PENGURUSAN PENDIDIKAN,
PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PENGURUSAN TENAGA DAN PERUBAHAN IKLIM

PENGURUSAN SISA
PENGURUSAN ALAM SEKITAR

UNIT PENGURUSAN TEKNOLOGI HIJAU

RECYCLE @ PTSB



Pada tarikh 10 Disember 2018, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah menerima Sangkar Kitar Semula dari Syarikat Green Resource Recovery Sdn Bhd. Sangkar ini telah ditempatkan di belakang kantin PTSB. Tujuan sangkar ini adalah untuk menggalakkan aktiviti *reuse, reduce dan recycle* dalam kalangan warga PTSB.

Seterusnya ada tarikh 20 Disember 2018 pula, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah mengadakan pelancaran Inisiatif Hijau yang telah disempurnakan oleh Pn Yusma binti Yusof selaku pengarah PTSB. Majlis pelancaran ini diadakan di Dewan Kuliah Utama PTSB yang diadakan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan PTSB bagi bulan Disember 2018. **Inisiatif Hijau PTSB** ini diadakan adalah langkah untuk menyahut seruan kerajaan dalam memartabatkan budaya hijau dalam kehidupan seharian warga PTSB. Idea penubuhan Jawatankuasa Teknologi Hijau ini dicetuskan oleh Puan Pengarah sendiri atas inisiatif untuk melihat PTSB seiring dengan organisasi lain yang bergerak ke arah membudayakan teknologi hijau dalam kehidupan seharian.



Sebelum itu, pada sebelah paginya juga diadakan majlis penyerahan kad *Recycle For Life* oleh Pihak Syarikat E-Idaman kepada semua staf PTSB yang telah mendaftar sebagai ahli kad tersebut. Banyak manfaat yang diperolehi dari kad RFL ini. Antara kelebihan dari kad ini adalah boleh membeli belah dengan menggunakan bahan recycle. selepas barang tersebut ditimbang, bolehlah ditukarkan ke dalam bentuk "point". "Point" yang dikumpul ini boleh digunakan untuk membeli belah di pusat membeli belah yang disenaraikan oleh pihak syarikat.



E-BULETIN



KEMPEN BAWA BEKAS SENDIRI & PROGRAM TREE FOR LIFE

#GOGREENPTSB

Kempen Bawa Bekas Sendiri ini diadakan untuk mengatasi masalah pembuangan polistrene yang kian meningkat pada masa kini. Kempen ini dijalankan dengan kerjasama Kelab Mesra Alam PTSB. Kempen ini dilaksanakan bermula 1 Feb 2019 sehinggalah 28 Mac 2019 setiap hari ISNIN dan RABU. Pada hari tersebut, pensyarah atau pelajar perlu membawa sendiri bekas makanan. Sekiranya tidak membawa bekas sendiri, bekas makanan yang mesra alam dijual oleh Kelab Mesra Alam.



Program **'Tree For Life'** ini diadakan bertujuan untuk memupuk perasaan cintakan alam sekitar di kalangan pelajar di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Program ini dijalankan dengan kerjasama Unit Alumni PTSB. Sebanyak 600 anak pokok akan ditanam di sekitar PTSB. Anak pokok ini adalah sumbangan dari Unit Alumni. Kerjasama antara Jawatankuasa Teknologi Hijau PTSB dan Unit Alumni PTSB ini dapat mengeratkan hubungan antara pelajar junior dan alumni PTSB yang telah lama meninggalkan PTSB.

Anak pokok ini ditanam di sekitar PTSB bertujuan untuk menghidaukan dan memberikan persekitaran yang kondusif dan sesuai untuk persekitaran pembelajaran bagi pelajar PTSB. Selain itu juga, program ini juga adalah bertujuan untuk menambahbaik kualiti udara kampus PTSB dengan kehadiran pokok yang membekalkan oksigen kepada persekitaran.



E-BULETIN

GREEN KAMSIS

Program ini diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan kesedaran kepada pelajar kamsis tentang aktiviti-aktiviti penghijauan kampus dengan kerjasama Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) PTSB. Program ini juga diharap dapat mendidik dan menyebarkan luas sikap dan amalan terpuji pemeliharaan alam sekitar dan “zero waste” dalam kalangan warga kamsis serta kampus.



GREEN KAMSIS & PELANCARAN KELAB GREENTECH PTSB 2019 #GOGREENPTSB

Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi penerangan peranan Jawatankuasa *Green Tech* dalam menjadikan pembudayaan penghijauan kampus. Selain itu, kuiz dijalankan untuk melihat tahap kesedaran dan kefahaman pelajar-pelajar kamsis.

Program ini diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan kesedaran kepada pelajar kamsis tentang aktiviti-aktiviti penghijauan kampus dengan kerjasama Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) PTSB. Program ini juga diharap dapat mendidik dan menyebarkan luas sikap dan amalan terpuji pemeliharaan alam sekitar dan “zero waste” dalam kalangan warga kamsis serta kampus.

Antara objektif program ini ialah mewujudkan persekitaran kamsis dan sekitar yang lestari, mendidik warga kamsis terhadap peranan alam sekitar, menyelaraskan dan memantau inisiatif 'Kampus Hijau'. Program ini diadakan pada 16 Februari 2019 (Sabtu).

Dalam program tersebut, gimik pelancaran **Kelab Green Tech PTSB** telah dilancarkan oleh Timbalan Pengarah Akademik PTSB, En Mohd Zamre bin Ab Rahman.



E-BULETIN

RECYCLE FOR A LIFE CYCLE



Kempen ini diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan kesedaran kepada warga Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) khususnya pelajar-pelajar khususnya ahli kelab *Greentech* (GT) tentang kitaran sampah yang boleh dikitar semula dan mengasingkan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Terutamanya item dan barangan seperti plastik dan kertas.

Selain itu, kempen ini juga diharapkan dapat memupuk semangat cintakan kehijauan kampus politeknik dan pengurangan pembuangan sampah secara total yang berlebihan dalam kalangan warga PTSB. Bahkan ianya juga dapat mewujudkan kesedaran berfikir akan kitar semula dahulu sebelum buang sampah dalam persekitaran PTSB. Kempen ini akan dijalankan pada setiap kali program-program besar dijalankan di PTSB.

Secara tidak langsung, proses ini akan menjadi amalan bukan sahaja warga kampus PTSB tetapi juga masyarakat dan komuniti yang mengunjungi PTSB di waktu acara-acara yang melibatkan warga luar dari komuniti PTSB. Matlamat jangka panjang program ini adalah untuk menerapkan persekitaran dan tabiat terpuji dalam pemuliharaan alam sekitar dan "zero waste" di dalam kampus PTSB. Dalam waktu yang sama dapat membudayakan penghijauan kampus dengan memperbanyakkan sebaran tong-tong kitar semula di tempat-tempat akses penting untuk pembuangan sampah di kampus PTSB.



PROGRAM AMBIL, ANGKAT, LETAK PINGGAN & GELAS KE TEMPAT YANG DISEDIAKAN

Program Ambil, Angkat, Letak Pinggan & Gelas ini dijalankan di kantin dan kafe PTSB bertujuan untuk membudayakan amalan kebersihan dan pengumpulan sisa makanan secara sistematik. Kempen ini dilancarkan pada bulan Julai 2019.



COMPOST NOW FOR FUTURE



Program ini dijalankan adalah untuk menggalakkan pelajar mencintai alam sekitar melalui aktiviti kitar semula sisa bahan buangan dengan menghasilkan sendiri baja kompos.

Program ini dilaksanakan pada 23 Julai 2019. Program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu pada sesi 1, taklimat Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia oleh SWCorp Cawangan Kulim, Kedah. Tujuan sesi ini adalah untuk memberi kesedaran akan kepentingan pengurusan sisa pepejal dari sumber tercapai memandangkan pengurusan sisa pepejal merupakan antara masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat terutama di bandar. Kos pengurusan sisa pepejal dari peringkat pengutipan, pengumpulan, pengangkutan sampah hingga ke tahap pelupusan, sangat tinggi. Kuantiti sisa pepejal khususnya sampah domestik perlu dikurangkan bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Maka, pengurusan sisa dari sumber perlu dilakukan.

Salah satu kaedah adalah dengan menghasilkan baja kompos dari sisa buangan makanan. Kompos yang dihasilkan boleh digunakan untuk membantu atau menyuburkan tanaman di laman atau di kebun selain mengurangkan sisa organik domestik. Dalam sesi 2, pelajar diberi peluang untuk menghasilkan sendiri baja kompos dengan bimbingan kakitangan SWCorp Cawangan Alor Setar, Kedah.



**HIJAU DAN BERSIH BUKAN HANYA SEBUAH ASPIRASI
TETAPI SEBUAH TINDAKAN – CHRISTINE PELOSI**

E-BULETIN

PTSB GO GREEN



Kempen PTSB GO GREEN ini dijalankan untuk menyahut saranan pihak kerajaan dalam merealisasikan Dasar Teknologi Hijau. Kempen ini telah dilancarkan oleh Tuan Pengarah Akademik PTSB, En Mohd Zamree Ab Rahman pada 31 Julai 2019 di kantin PTSB.

Sebanyak 4 item yang ditekankan dalam program kali ini iaitu :

1. Pengurangan penggunaan beg plastik
2. Hapuskan penggunaan polistrene
3. Pengurangan penggunaan straw
4. Pengurangan penggunaan kertas

KEMPEN JIMAT TENAGA ELEKTRIK

Kempen **JIMAT TENAGA ELEKTRIK** ini juga telah dilancarkan oleh Tuan Pengarah Akademik PTSB, En Mohd Zamree Ab Rahman pada 31 Julai 2019 di kantin PTSB. Setiap suis lampu di PTSB telah ditampal dengan sticker untuk memberi peringatan kepada warga PTSB.



E-BULETIN

KARNIVAL HIJAU

Karnival ini diadakan pada 3 Oktober 2019 di kantin PTSB. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan merekabentuk banner, pertandingan #Photochallenge, DIY baja kompos dan DIY sabun. Diharap melalui Karnival ini ianya dapat melahirkan warga PTSB yang mempunyai pengetahuan, tahu tentang strategi tindakan yang boleh diambil, mempunyai motivasi dalaman, sikap yang positif serta bertanggungjawab dalam menangani sesuatu isu persekitaran. Selain itu, ianya juga dapat memupuk semangat kerjasama antara pelajar, pensyarah dan industri serta masyarakat.



PERTANDINGAN MEREKABENTUK BANNER

Syarat-syarat penyertaan

1. Terbuka kepada semua pelajar PTSB
2. Penyertaan kepada individu atau berkumpulan.
3. Yuran hanya RM3 untuk setiap penyertaan.
4. Rekabentuk dalam 2 saiz utama, A3 dan 2 x 5 kaki persegi.
5. Rekabentuk mestilah asli dan bukannya hasil ciptak daripada mana-mana karya lain
6. Rekabentuk mestilah mempunyai elemen teknologi hijau atau kitar semula atau penjimatan tenaga.
7. Hasil karya yang dihantar mestilah dalam bentuk salinan lembut (softcopy) format .psd atau .ai
8. Tarikh tutup penghantaran penyertaan pada 29 September 2019.

Hadiah bernilai RM100 sehingga

Hubungi: 011-32040111 (Faiz)
019-6904832 (En Aizat Zolkofe)
019-8434437 (En Jamil Shaari)

